



Berita UniMAP

UTeM Kekalkan Kejuaraan Fiesta Muzika MAKUM 2008

18 Mac 2008: Berbekalkan pengalaman dan kebolehan memainkan alat-alat muzik orkestra, Kumpulan Orkestra dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus mengekalkan kejuaraan buat kali kedua dalam Fiesta Muzika MAKUM 2008 yang berlangsung di Dewan Kapitol Universiti Malaysia Perlis, Kangar, baru-baru ini. Kumpulan yang dianggotai oleh 16 penuntut itu berjaya menewaskan lima kumpulan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) lainnya pada peringkat akhir melalui dendangan lagu 'Tanya Sama Itu Hud-hud' dan sebuah lagu inggeris 'I'm Telling You I'm Not Going'. Sebagai juara, UTeM membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000, piala pusingan, piala iringan dan hamper.



Tempat kedua pula diraih oleh pasukan Universiti Sains Malaysia (USM) yang berjaya memperbaiki kedudukan mereka selepas hanya menduduki tempat ketiga pada pertandingan tahun lalu. Selain itu, pasukan USM juga turut dinobatkan sebagai pemenang bagi kategori persembahan terbaik pertandingan yang menawarkan hadiah wang tunai RM500, piala iringan dan hamper. Kumpulan ini memilih untuk mempersembahkan lagu 'Tanya Sama Itu Hud-hud', dan 'Semua Jadi Satu'.



Pasukan dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pula yang menyampaikan lagu 'Nazam Berkasih' serta lagu Arab 'El Layali' pula menduduki tempat ketiga. Naib juara menerima wang tunai RM2,500, piala iringan dan hamper manakala pemenang tempat ketiga menerima wang tunai RM2,000, piala iringan dan hamper.

Pertandingan pada malam itu diadili oleh tiga juri profesional dan berpengalaman dalam bidang muzik iaitu Pengarah Muzik RTM, Datuk Mokhzani Ismail yang turut bertindak sebagai ketua juri; penyanyi, Ramli Sarip dan pemain gital terkenal, Man Kidal.



Menurut Mokhzani, pertandingan yang dianjurkan itu bukan sekadar inginkan penyertaan dari kalangan penuntut IPTA malah ia merupakan satu pertandingan yang berprestij yang berjaya mencungkil bakat-bakat seni dan muzik di kalangan pelajar IPTA.

"Penciptaan lagu yang baik dan susunan muzik yang teratur serta tidak menonjolkan satu-satu penggunaan alat muzik merupakan satu ciri yang terpenting dalam pemilihan kumpulan untuk menjadi johan", tambahnya. > > ms18

“Penyatuan dan keseimbangan bunyian antara pemuzik dan penyanyi akan menghasilkan satu nada yang tidak hanya menarik perhatian para penonton malah akan membuka mata para juri juga. Dari situ, juri akan memilih terbaik dikalangan yang baik.”

> > Katanya lagi, “Penyatuan dan keseimbangan bunyian antara pemuzik dan penyanyi akan menghasilkan satu nada yang tidak hanya menarik perhatian para penonton malah akan membuka mata para juri juga. Dari situ, juri akan memilih terbaik dikalangan yang baik.”

Selain pasukan UteM, USM dan USIM, tiga lagi kumpulan yang membuat persembahan di peringkat akhir ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan peserta tuan rumah iaitu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Sebanyak 12 pasukan mengambil bahagian dalam pertandingan yang dianjurkan secara bersama oleh UniMAP dan Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM) dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan

Warisan Malaysia (KeKKWa) serta Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Pasukan-pasukan itu ialah, UTeM, USM, USIM, UM, UUM, UniMAP, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Putra Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Malaysia Pahang, dan Universiti Malaysia Kelantan.

Majlis tersebut dirasmikan oleh DYTM Raja Muda Perlis merangkap Canselor UniMAP, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail. Turut hadir, DYTM Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil dan Naib Canselor UniMAP, Kol. Prof. Dato’ Dr. Kamarudin Hussin.